


Kembava NUSA

Bil. 04 • 2016

MCI (P) 087/02/2016



**TERBITAN:****EDUFROnt LEARNING CENTRE /
PUSAT BAHASA NUSA**

Edufront @ Pasir Ris (Main)
Blk 614 Elias Road #01-120 Singapore 510614
Main Line : (65) 6583 2616
Hotline 1 : (65) 9724 9422 (Mr. Yang Iskandar)
Hotline 2 : (65) 8428 8946 (Mdm Hayati Abdullah)

Opening Hours:
Mondays to Fridays: 3pm to 8pm
Saturdays and Sundays: 9am to 6pm
Closed on public holidays

All editorial enquiries should be directed to:
Mdm Hayati Abdullah
Blk 614 Elias Rd #01-120 Singapore 510614
Tel: 6583 2616
Email: hayati@edufront.com

SIDANG PENGARANG

Editor : Hayati Abdullah
Penolong Editor: Nur Amira Salimin

Penulis : Nurul Insyira Muhs Razali
Nurul Haziqah Hassan
Fatin Nabilah Zahari
Insyirah Mohd Ali
Farah Nur Zakiah Roslee
Siti Syazana Abdul Halim
Nur Amira Salimin
Norazim bin Azami

CAWANGAN:

Edufront @ Woodlands (Branch)
Marsiling MRT station #02-01
(Shared location with Changchun Language School)
Opening Hours: Via prior appointment only
Tel : 8428 8946 / 9724 9422

Edufront @ Choa Chu Kang (Branch)
Blk 217 Choa Chu Kang Ave Central #B1-212 Singapore 680217
(Shared location with Nurture Education Centre)
Opening Hours: Via prior appointment only
Tel : 8428 8946 / 9724 9422

Edufront @ Seletar (Branch)
12D Gerald Crescent Singapore 797759
Opening Hours:
Via prior appointment only.
Tel: 8428 8946 / 9724 9422

Edufront @ Jurong West (Branch)
Blk 720 #B1-94, Jurong West Ave 5 Singapore 640720
(Shared location with Elite Kindergarten)
Opening Hours: Via prior appointment only
Tel : 8428 8946 / 9724 9422

Edufront @ Bukit Batok (Branch)
Blk 158 Bukit Batok St 11 #03-216 Singapore 650158
Opening Hours: Via prior appointment only
Tel : 8428 8946 / 9724 9422

Edufront @ Sengkang/Hougang (Branch)
Blk 522 Hougang St 51 #B1-296 Singapore 530552
(Shared location with Al-Nasry Kindergarten)
Opening Hours: Via prior appointment only
Tel : 8428 8946 / 9724 9422

Edufront @ Tampines (Branch)
Blk 316 Tampines St 33 #01-180 Singapore 520316
(Shared location with Sowin Education Services)
Opening Hours: Via prior appointment only
Tel : 8428 8946 / 9724 9422

Kandungan

2 Sekapur Sireh**3 Rencana Khas:**

Jauh Perjalanan, Luas Pemandangan

6 Bicara Budaya:

Sulaman Songket

8 Sanggar Sastera:

Sajak: Pengembaraan Dunia

Sajak: Pengembara

9 Sains dan Teknologi:

Kenali Bumi: 5 Tempat Terindah di Dunia

11 Permainan Kata:

Mencari Perkataan

12 Kurik Kundি:

Pantun Adat

13 Cerpen Pelajar:

Di Sebalik Cermin Segi Empat

14 Pintar Peribahasa**15 Panduan Pelajar:**

Kesedaran dan Keyakinan Diri

17 Lembaran Bahasa

Ayat Aktif & Ayat Pasif

19 Cergas Cerdas:

Mekanisme Minda

22 Wawancara Khas

Peraduan Saya Boleh Mengarang 2016

24 Karya-karya Pelajar



Sekapur Sireh

*Terbang tinggi si layang-layang
Pengubat luka hati yang walang
Indah bumi luas terbentang
Bertebar insan hatinya girang*

Selamat bertemu kembali! Dalam edisi penutup tirai 2016 ini, kami ingin mengajak pembaca mengembara ke seluruh dunia. Ramai antara kita yang bernasib baik kerana telah berpeluang melawat beberapa buah negara. Orang kata **jauh perjalanan, luas pemandangan**. Selain dapat menikmati keindahan alam semesta kita juga dapat menyaksikan sendiri indahnya kerencaman budaya seantero dunia. Maklumlah, **lain padang lain belalang; lain lubuk lainlah ikan**. Pandai-pandalilah kita membawa diri di tempat orang kerana **di mana bumi dipijak, di situ langit dijunjung**. Banyak pengajaran dan faedah yang boleh kita peroleh daripada lawatan-lawatan kita ini. Antara perkara penting yang harus kita bawa pulang ialah rasa bersyukur dengan segala nikmat yang kita kecapi di bumi sendiri. Bak kata pepatah, **hujan emas di negara orang, hujan batu di negara sendiri, lebih baik negara sendiri**. Namun, bagi mereka yang belum berpeluang untuk keluar negara, usahlah berduka. Buku, majalah, akhbar, laman sesawang-semuanya tersedia untuk anda layari dalam pengembaraan maya ke seluruh jagat raya.

Akhir kata,
Selamat Mengembara!

Editor

Cikgu Hayati Abdullah






RENCANA KHAS

JAUH PERJALANAN, LUAS PEMANDANGAN

Oleh: Nurul Insyira Muhd Razali

Sebut sahaja perkataan “melancong” dan pelbagai gambar atau imej tempat-tempat percutian menerjah fikiran. Imej-imej ini mungkin hasil daripada percutian yang baru berlalu, atau mungkin merupakan destinasi kita yang seterusnya. Melancong ke luar negara merupakan satu aktiviti yang semakin digemari ramai. Ramai yang memilih untuk ke luar negara apabila tiba musim cuti, kerana ini merupakan masa yang paling sesuai untuk menjelajah negara-negara lain. Bagi mereka yang lebih berkemampuan, negara-negara Eropah menjadi destinasi tujuan manakala bagi mereka yang mahu mengehadkan perbelanjaan mereka, negara-negara Asia Tenggara menjadi pilihan. Para pelancong mempunyai matlamat yang berlainan apabila mereka melancong. Ada yang mahu meneroka setiap pelosok dunia, ada yang mahu membeli-belah sahaja, dan ada juga yang hanya mahu menikmati pemandangan sambil merehatkan minda mereka. Namun, sedikit sebanyak, pengalaman kita di negara orang akan meninggalkan kesan dalam kehidupan kita. Nilai-nilai dan pengajaran yang kita peroleh semasa melancong boleh digunakan dalam kehidupan seharian kita. Memang tidak dinafikan, melancong merupakan satu aktiviti yang menyeronokkan, tetapi banyak juga yang boleh kita pelajari menerusi kembara-kembara yang pernah kita lalui.

Selain meluaskan pemandangan dan pengalaman, mengembara membolehkan kita untuk mempelajari dan mendalami budaya lain. Hal ini amat penting kerana Singapura kini menjadi tempat penghijrahan bagi orang-orang asing, terutama sekali mereka yang datang dari negara-negara Asia Tenggara. Penduduk di Singapura terdiri daripada bermacam jenis kaum dan budaya, bukan sahaja daripada kaum Cina, India dan Melayu. Untuk hidup dalam harmoni, ianya penting bagi kita untuk memahami dan mempelajari budaya satu sama lain.





Ramai yang mengatakan bahawa kehadiran Internet, yang telah menjadi sebahagian daripada kehidupan manusia, membuatkan melancong lebih mudah kerana kita tidak perlu berada di sesuatu negara secara fizikal untuk kita meneroka negara tersebut. Menerusi laman web Youtube, kita boleh menonton video-video yang menunjukkan tempat-tempat lawatan yang menarik di negara tersebut. Kita juga boleh mendapatkan maklumat tentang budaya, makanan, dan tradisi negara tersebut menerusi Internet ataupun rancangan televisyen yang membawa penonton mereka menjelajah sesebuah kota atau negara. Pendek kata, segala maklumat yang ingin diketahui tentang negara tersebut, boleh didapati dalam masa beberapa saat sahaja!

Namun, dalam mendalami sesuatu budaya, kita perlu mengalaminya sendiri, bukan sekadar melungsur Internet ataupun menonton video di Youtube. Apabila kita melancong, kita dapat menyerap budaya negara tersebut menerusi pengalaman kita di sana. Selalunya, tempat-tempat yang dikunjungi semasa melancong merupakan tempat-tempat bersejarah, seperti muzium, tugu, dan sebagainya. Kunjungan ke tempat-tempat sebegini membuatkan kita lebih arif tentang sejarah negara tersebut dan ini meningkatkan pemahaman kita tentang kelahiran budaya negara tersebut.

Interaksi dengan penduduk tempatan juga dapat membantu kita dalam mendalami sesuatu budaya. Sebelum menjelajah negara tersebut, kita harus membuat kajian tentang negara tersebut. Selain mendapatkan maklumat tentang tempat-tempat menarik, kita juga patut mengenal pasti dan menyesuaikan diri dengan bahasa yang digunakan oleh penduduk tempatan. Dengan cara ini, kita dapat mengelakkan persilihan faham yang mungkin akan berlaku apabila kita berinteraksi dengan mereka. Pada awalnya, kita mungkin tidak dapat bertutur dengan lancar tetapi lama kelamaan, kita mula mengikuti cara pertuturan mereka dan sedikit sebanyak dapat memahami apa yang ingin disampaikan mereka dalam bahasa mereka. Mempelajari bahasa asing bukan hanya dapat membantu kita berinteraksi dengan penduduk-penduduk, malah, kita dapat meningkatkan pemahaman kita terhadap budaya tersebut kerana bahasa merupakan salah satu aspek budaya. Bukan itu sahaja, melawati beberapa negara membuatkan kita mahir dalam beberapa bahasa, bukan sahaja dalam Bahasa Inggeris dan bahasa ibunda kita. Kemahiran ini amat berguna di masa hadapan, apabila kita melanjutkan pelajaran di luar negara atau bekerja di syarikat antarabangsa.



Melancong juga dapat memupuk rasa cinta dan penghargaan terhadap ciptaan Tuhan. Kehidupan di kota Singapura bermakna dikerumuni oleh bangunan-bangunan tinggi. Acap kali, kita berasa lemas dan bosan kerana pemandangan yang menyapa mata kita setiap hari hanyalah batu-bata dan orang ramai yang berpusu-pusu. Oleh sebab itulah, apabila tiba musim cuti, ramai yang keluar dari kota ini untuk merehatkan minda sambil menikmati keindahan alam semesta. Ada yang memilih rumah



peranginan yang bersebelahan dengan pantai-pantai yang menakjubkan dan ada juga yang memilih gunung-ganang untuk ditakluki, sebagai destinasi percutian mereka. Ini merupakan cara mereka untuk melarikan diri daripada kesibukan kota, di samping menikmati keindahan alam.

Selain penghargaan terhadap flora dan fauna, melancong ke tempat-tempat sebegini mengajar kita beberapa perkara. Salah satu pengajaran yang dapat kita timba adalah tanggungjawab kita untuk memulihara alam sekitar. Tempat-tempat sebegini mempunyai undang-undang di mana para pengunjung dilarang untuk membuang sampah merata-rata. Mereka memastikan bahawa pengunjung mereka mematuhi undang-undang tersebut dan bertanggungjawab di atas sampah mereka. Bagi mereka yang pernah menakluki Gunung Ledang atau Mount Ophir, anda pasti tahu bahawa setiap pendaki perlu mengisi borang dan menyatakan jumlah setiap barang di dalam beg mereka. Ini termasuk makanan di dalam paket atau tin, gula-gula getah, tisu, beg plastik dan pakaian dalam! Selesai sahaja pendakian, di kaki gunung, seorang pegawai akan memeriksa setiap isi kandungan beg pendaki untuk memastikan bahawa para pendaki tidak meninggalkan sebarang sampah, di persekitaran gunung itu. Jika jumlah barang yang dibawa turun lebih kurang daripada jumlah barang yang dibawa naik, pendaki boleh dikenakan denda dalam bentuk bayaran. Dengan cara ini, para pendaki akan cuba sedaya upaya untuk menjaga alam sekitar supaya keindahan ini tidak dicemar dan dapat dinikmati oleh khalayak ramai.

Melancong ke tempat-tempat sebegini membuatkan kita lebih peka kepada persekitaran kita. Pemandangan yang dapat kita nikmati apabila mengembara ke tempat sebegini wujud kerana segelintir manusia berusaha untuk memulihara tempat-tempat ini, agar dapat dinikmati oleh manusia sekalian. Melancong bukan sahaja meluaskan pemandangan kita, tetapi ia turut memupuk nilai-nilai positif dalam diri kita, nilai-nilai yang mungkin tidak dapat diperoleh jika kita tidak mengembara.

Pemandangan yang luas bukan sahaja terhad kepada pemandangan alam semesta, tetapi ia termasuk situasi yang kita lihat atau alami apabila kita melancong ke sesuatu tempat. Melancong membuka mata kita kepada situasi yang mungkin tidak pernah

kita alami apabila berada di negara sendiri. Sebagai contoh, bandar Kuala Lumpur dan Jakarta dipenuhi dengan peminta sedekah dan orang-orang yang merempat di tepi jalan. Ini berlainan sekali dengan keadaan di Singapura kerana kita jarang melihat peminta sedekah di Orchard atau Bugis, jauh sekali mereka yang merempat di tepi jalan. Biarpun Kuala Lumpur dan Jakarta merupakan ibukota ternama, ada juga sekumpulan manusia yang hidup dalam keadaan daif dan tanpa hala tujuan. Ini menyedarkan kita tentang kehidupan kita yang jauh lebih beruntung jika dibandingkan dengan kehidupan mereka. Kita tidak perlu melangkah jauh ke ceruk kampung untuk melihat kemiskinan, kerana kemiskinan wujud di kota-kota seperti Kuala Lumpur dan Jakarta. Situasi sebegini meluaskan lagi pemikiran kita kerana ia memaklumkan kita tentang isu-isu yang berlaku di luar pengetahuan kita dan ia juga mengubah cara pemikiran kita.

Banyak lagi nilai-nilai yang boleh kita peroleh melalui pengembaraan kita di serata dunia. Namun, apa yang penting ialah kita harus mempunyai fikiran yang terbuka dan harus berani dalam mencuba sesuatu yang baru. Kita akan menghadapi berbagai-bagi cabaran apabila mengembara, namun cabaran-cabaran inilah yang bakal mengajar kita erti kehidupan. Dunia yang luas ini patut dijelajahi selagi kita masih bertenaga dan berkemampuan, supaya minda dan pemikiran kita sentiasa berkembang dengan pengalaman dan ilmu.





BICARA BUDAYA

Songket Sulamare Bangsa

Oleh: Nurul Haziqah Hassan

Secebis Sejarah

Songket merupakan tekstil tradisional yang berasal dari Pulau Sumatra di mana benang emas atau perak ditenun ke dalam benang lungsin. Ianya dipercayai Kain songket dianggap kain yang mewah. Pada zaman dahulu, hanya orang-orang bangsawan sahaja yang dapat mengenakan kain songket. Semakin halus dan rumit corak songket dan semakin berat kainnya, bermakna semakin tinggi darjat atau pangkat si pemakai. Berat kain songket menunjukkan jenis benang yang digunakan. Jika lebih berat, bermakna benang emas asli digunakan.

Oleh sebab songket melambangkan status “mewah”, ia seringkali hanya dipakai ke majlis-majlis penting atau keramaian seperti majlis perkahwinan. Bukan para mempelai sahaja yang lazimnya mengenakan busana songket tetapi para hadirin jugak sering mengenakan kain tradisional ini.

Jenis-jenis Motif dan Warna Songket

Motif-motif atau corak-corak di kain songket selalunya bersifat geometrik dan berunsurkan flora dan fauna. Antaranya ialah motif bunga cengkik, bunga tanjung, bunga melati dan bunga mawar. Bunga-bunga ini juga ada perlambangannya yang tersendiri. Masing-masing melambangkan kesucian, keanggunan, rezeki dan segala kebaikan.

Warna kain songket juga mempunyai makna yang tersendiri. Kain songket yang berwarna hijau, kuning dan merah padam dikatakan lebih sesuai untuk dipakai oleh mereka yang “janda”. Bagi majlis penting seperti perkahwinan pula, pengantin lebih lazim mengenakan kain songket yang lebih cerah warnanya.

Jenis-jenis Songket

Terdapat bermacam-macam jenis songket. Antaranya ialah *Songket Lepus*, *Songket Tawur*, *Songket Trebes*, *Songket Bungo Pacik*, *Songket Limar*, *Songket Kombinasi*.



Songket Lepus mempunyai motif emas yang menutupi seluruh kain.



Songket Tawur pula motifnya bertaburan di seluruh kain. Motifnya tidak menutupi seluruh kain tetapi berkelompok.



Songket Trete pula motifnya hanya pada hujung-hujung kain – tiada motif di tengah kain.



Songket Bungo Pacik pula adalah jenis kain songket yang tenunan bunganya dibuat daripada benang kapas putih , sehingga benang emasnya tidak kelihatan ketara dan hanya mengisi sebahagian motif selingan.



Songket Limar amat unik berbanding dengan kain songket yang lain. Ini disebabkan oleh cara pembuatannya yang berbeza. Songket ini ditenun dengan corak ikat pakan. Motifnya diperbuat daripada jalinan benang pakan (benang lungsin) yang diikat dan dicelup pewarna pada bahagian-bahagian yang diinginkan sebelum ditenun. *Kain Limar* ini seringkali digunakan untuk kain sarung kaum lelaki dan wanita. Jika kain sarung wanita, coraknya dikombinasikan dengan corak songket – corak *Kain Limar* pada bahagian badan kain dan corak songket pada kepala kain.

Songket Kombinasi, sesuai dengan namanya merupakan gabungan jenis-jenis songket. Sebagai contoh, *Songket Bungo Intan* merupakan gabungan antara *Songket Bungo Pacik* dan *Songket Trete*.

Evolusi Songket

Jika dahulu kain songket dijahit menjadi baju tradisional seperti baju kurung, baju melayu dan baju kebaya, kain songket kini lebih versatil. Kain songket kini dijahit menjadi menjadi baju panjang (*dress*), blaus dan kain moden (*skirt*). Oleh kerana tekstur kain songket yang boleh menyebabkan kulit si pemakai terasa gatal, busana songket moden seringkali dijahit dengan kain pelapik atau “*lining*” di dalamnya yakni kain lebih lembut.

Juga, terdapat cara membuat kain songket yang baru. Kain songket yang ditenun mengambil masa yang lama. Namun, pada era moden sekarang ini, corak songket dapat dicetak sahaja. Walaupun tidak seautentik seperti kain songket asli, kain songket sebegini tetap mendapat sambutan yang bagus. Mungkin kerana pertama, kos yang lebih murah dan dua, motif songket selalunya dicetak pada jenis-jenis kain yang selesa dipakai seperti kain kapas. Corak-corak yang dicetak juga datang dalam pelbagai warna yang menarik.



Evolusi songket membuat pemakaianya lebih menarik dan dapat menarik minat para pemudi untuk memakainya. Ini merupakan usaha yang baik untuk memastikan pemakaian songket tidak luput dek dimamah masa.





SANGGAR SASTERA

Pengembawaan Dunia

Oleh: Fatin Nabilah Bte Zahari

Gunung-gunung yang berdiri,
Tinggi dan tegas di atas bumi.
Langit yang biru, luas dan jelas,
Membayangkan dunia yang suci.

Kelembutan aliran air yang jernih
Di sungai, menuju ke arah hilir
Hutan yang lebat dan sesungguhnya hijau
Kediaman bagi binatang yang hidup berharmoni

Aku ingin mengembara dunia,
Jauh dari kemajuan, dari bandar raya.
Menghargai alam buat kali pertama,
Menyaksikan ciptaan Tuhan selama-lamanya.

Aku sedar, Singapura tidak jauh seberapa
Dari segi keindahan, jelas dinampak.
Di sini terdapat kemajuan yang dahsyat
dan juga kepesatan teknologi.
Namun kehausanku semakin meninggi
Untuk ke tempat yang semula jadi.

Dunia yang indah dan luas ini
Haruslah kita merampas peluang
untuk ke sana sini.
Kalau tidak, sudah pasti kita akan rugi
Kerana gagal meneroka ciptaan Illahi.

Pengembara

Oleh: Inshira Mohd A.

Hari ini harinya
Tanpa merancang
Buku merah dalam tangan
Aku mulakan pengembaraan

Laut, darat, udara
Aku tiba di destinasi
Beribu-ribu batu jauh dari keselesaan
Mengikut kata hati
Aku terus melangkah
Dengan hati yang ghairah

Budaya yang jauh berbeza
Bahasa asing pada telinga
Aku rasa takut
Di tempat yang tidak pernah aku jejaki
Orang yang tidak aku kenali
Aku berjalan
Meneroka dan jelajahi
Tidak tahu apa yang akan terjadi
Hanya berserah pada Illahi

Sepanjang perjalanan
Tatkala keseorangan
Aku berseronok
Mengenali penduduk asli
Meraih pengalaman
Menambah ilmu pengetahuan
Mencipta seribu satu kenangan

Harinya telah berakhir
Masanya untuk pulang
Tidak pernah aku sesali
Apapun cabaran
kebaikan
sepanjang perjalanan
Bahkan
Dengan buku merah
digenggam erat
Aku menanti pengembaraan
yang akan datang.





SAINS DAN TEKNOLOGI

5 Landskap Ajaib di Dunia

Oleh: Nurul Haziqah Hassan

Dalam dunia yang semakin hari semakin moden dan wujudnya hutan konkrit di setiap penjuru, landskap semula jadi menjadi santapan mata yang indah, meygarkan dan menenangkan apabila dihayati. Entri Nusa kali ini akan memaparkan 5 landskap ajaib di dunia.

1. NORTHERN LIGHTS DI NORWAY (FENOMENA AURORA)



Di Norway, terdapat suatu fenomena yang dinamakan Aurora. Fenomena ini adalah apabila zarah beras elektrik dari matahari menembusi atmosfera bumi. Palitan cahaya berwarna-warni dapat dilihat di atas kutub utara dan selatan. Cahaya-cahaya ini dikenali sebagai "Aurora borealis" di kutub utara dan "Aurora australis" di kutub selatan.

Cahaya Utara dapat disaksikan di hemisfera utara dan selatan. Para saintis mendapati bahawa seringkali, aurora utara dan selatan merupakan cerminan imej yang berlaku serentak dan mempunyai bentuk dan warna yang sama. Para pengkaji juga mendapati bahawa kejadian aurora ini berlaku secara kitaran 11 tahun dan puncaknya adalah pada tahun 2013. Landskap ajaib ini amat menakjubkan kerana cahaya di langit kelihatan sungguh magis dan sempurna umpama sebuah lukisan yang terlahir daripada imaginasi seorang pelukis yang masyhur.

2. SALAR DE UYUNI DI BOLIVIA




Salar de Uyuni merupakan dataran garam yang terluas di dunia. Dataran ini seluas 10,582 kilometer persegi. *Salar* terletak di wilayah Daniel Compos di barat selatan Bolivia. *Salar* ini terbentuk daripada transformasi beberapa sungai prasejarah. Ianya diselubungi oleh kerak garam untuk beberapa meter dan mempunyai sifat rata yang menakjubkan. Kerak ini merupakan sumber garam dan mengelilingi sebuah kolam air garam yang kaya dengan litium. Ia mengandungi 50-70% simpanan litium dunia dan bakal diekstrak. Kolam air garam yang terbentuk juga merupakan sebuah cermin semula jadi. Selain dapat mencerminkan langit yang cerah dan cantik, ia juga dapat mencerminkan apa sahaja di atasnya.

Salar de Uyuni juga digelar "syurga dunia". Jadi adik-adik sekalian, nanti boleh ajak ibu dan ayah *mirror selfie* di *Salar de Uyuni*!



3. GRAND PRISMATIC SPRING DI AMERIKA SYARIKAT



4. CAPPADOCIA, TURKI



5. KEUKENHOF DI LISSE, NETHERLANDS



Grand Prismatic Spring merupakan kolam air panas yang terbesar di Amerika Syarikat. Ia mendapat namanya daripada warna-warnanya yang memikat mata. Warna-warna yang terdapat di kolam ini serupa dengan warna-warna pelangi, yakni merah, jingga, kuning, hijau dan biru. Kolam ini buat pertama kalinya diterokai pada tahun 1870. Kejadian warna-warni di dalam kolam ini disebabkan oleh arkea berpigma dalam tikar mikrob yang tumbuh di tepi air yang kaya dengan mineral itu. Suhu air di kolam itu dapat menentukan warna arkea di dalam kolam itu. Kolam ini berukuran 110m secara luas dan 40m secara dalam. Sekarang, kita tahu bahawa pelangi bukan sahaja dapat dilihat di langit tetapi juga di kolam air panas.

Cappadocia mempunyai bentuknya sekarang kerana pernah berlakunya tanah runtuh. Terowong yang amat mengelirukan pula digali. Letusan gunung berapi zaman dahulu telah meneyelubungi daerah ini dengan debu yang kemudiannya mengeras menjadi batu-bata lembut. Angin dan air juga telah mewujudkan tembok pelbagai bentuk di Cappadocia. Cappadocia merupakan landskap yang dapat mencerminkan keindahan ciptaan Tuhan dan jugak bakat manusia dalam menghasilkan sebuah landskap yang semula jadi. Di sini juga merupakan di mana pengunjung luar negara gemar menaiki belon panas dan meneroka.

Keukenhof merupakan sebuah taman bunga gergasi di Lisse, Netherlands. Pameran bunga ini hanya dibuka kepada orang ramai pada musim bunga antara bulan Mac dan Mei setiap tahun. Justeru itu, pada setiap tahun, jika berpeluang, harus ke Holland untuk menyaksikan tanah lapang dipenuhi dengan lebih 7 juta kuntum bunga-bunga pelbagai warna dengan sekitar 800 jenis bunga tulip.





PERMAINAN KATA

MELANCONG!



R	D	C	B	D	K	T	E	X	J	K	I	Z	S	
S	I	Q	V	A	A	J	J	Y	H	D	D	V	G	M
O	M	F	T	W	G	R	U	N	B	Y	T	D	B	U
X	S	G	A	P	R	A	M	G	P	A	H	I	V	N
H	M	S	Q	S	N	Q	S	A	V	U	T	T	Z	E
U	E	Y	P	F	U	Z	X	I	W	I	R	Y	B	L
P	B	L	E	O	A	M	C	M	N	I	X	S	Z	O
I	H	Y	N	N	I	O	Q	E	E	K	S	R	M	E
I	F	O	G	I	N	K	R	X	N	H	I	A	T	L
T	U	Q	I	T	U	A	L	A	N	G	Q	R	T	O
G	Q	S	N	R	R	B	J	M	Q	Q	J	F	H	A
E	K	M	A	I	R	Y	P	T	T	K	Q	P	I	G
O	Y	L	P	U	J	J	R	R	H	E	V	R	Y	E
A	Y	C	A	A	R	A	B	M	E	K	B	R	I	H
X	E	Y	N	B	W	O	G	G	J	G	Z	O	C	O

BAGASI

DARMAWISATA

ITINERARI

KEMBARA

MUSAFIR

OLE-OLE

PESAWAT

PENGINAPAN

TUALANG



KURIK KUNDI

Pantun Adat dan Agama

Oleh : Farah Nur Zakiah Roslee (Finalis Pesta Pantun 2016)

**Gugur setangkai bunga melati,
Bersepah kelopak celahan di dada;
Sekian lama sudah dinanti,
Izinkan saya mulakan bicara.**

Begitulah salah satu contoh pantun adat yang sering digunakan di masa kini. Pantun adat selalunya digunakan dalam upacara adat istiadat orang Melayu. Pantun yang mengajar kita tentang adat resam orang Melayu juga tergolong dalam jenis-jenis pantun adat. Ciri-ciri yang sering kita lihat pada pantun adat ialah isi pantun tersebut adalah berkenaan adat dan ia mengajak kita mendalamai serta menghayati budaya dan adat istiadat kita.

Berbalik kepada pantun di atas, pantun adat sebegini selalunya disampaikan waktu pembukaan sesebuah acara. Memang sudah menjadi adat orang Melayu untuk bertutur dengan cara yang lembut dan berkias. Penggunaan pantun bagi membuka acara adat istiadat membantu menyerikan dan mengindahkan lagi suasana dalam majlis tersebut.

**Bunga mawar bunga melati,
Harum semerbak tepi halaman;
Besar sungguh hajat di hati,
Untuk menyunting bunga di taman.**

Pantun ini dapat kita lihat dalam upacara **merisik**. Dalam majlis tersebut, pihak lelaki akan ke rumah pihak wanita dengan niat untuk bertanya sekiranya wanita yang diminati sudah berpunya. Wakil daripada kedua-dua pihak akan berbalas pantun dengan penuh sopan dan beradab. Ketika berbalas pantun, wakil pihak lelaki akan menyampaikan hajat mereka menerusi pantun. Hal ini dilihat sebagai lebih sopan dan indah jika berbanding hajat yang disampaikan secara berterus terang. Sikap berterus terang ini mungkin boleh dilihat sebagai agak kasar dan kurang beradab. Kata-kata berkias digunakan untuk melembutkan hati orang ramai, memeriahkan majlis serta mencerminkan sifat sopan santun orang Melayu.

Pantun adat bukan sahaja digunakan di majlis merisik, pertunangan atau perkahwinan. Pantun adat juga boleh digunakan dalam majlis keramaian yang lain seperti majlis korporat ataupun acara persekolahan. Juruacara bagi majlis-majlis tersebut boleh menggunakan pantun pada bila-bila masa sahaja ketika majlis itu dijalankan. Setiap pantun yang digunakan juga mempunyai fungsi-fungsi yang berbeza. Sebagai contoh:

**Kalau ada jarum yang patah,
Jangan disimpan di dalam peti;
Kalau ada silap dan salah,
Jangan disimpan di dalam hati.**

**Bintang barat terbitnya petang,
Bintang timur terbitnya pagi;
Jika tidak mlarat panjang,
Ada umur bertemu lagi.**

Pantun-pantun tersebut diungkapkan pada penghujung sesebuah majlis. Juruacara akan meminta maaf sekiranya terdapat apa-apa kekurangan dari pihak pengajur. Salam perpisahan pada akhir rancangan juga diselitkan dengan doa dan harapan agar dapat bertemu lagi dengan tetamu yang hadir di lain masa.

Selain pantun adat untuk majlis keramaian, terdapat juga pantun adat yang lebih bertujuan untuk mengajak kita menghayati dan mengamalkan adat istiadat kita. Pantun adat sebegini sering diungkapkan oleh orang-orang dewasa yang ingin mengingatkan anak muda akan adat istiadat mereka yang telah diturunkan sejak berzaman lagi. Sebagai contoh:

**Tanam kelapa di Pulau Bukum,
Tinggi sedepa sudah berbuah;
Adat bermula dengan hukum,
Hukum bersandar di Kitabullah.**

Pantun ini menyampaikan maksud bahawa adat orang Melayu perlu bersandarkan hukum-hukum yang telah ditetapkan dalam kitab Allah, Al-Quran. Pantun ini mencerminkan perubahan adat yang berlaku apabila Islam tiba di wilayah Nusantara. Adat budaya yang berasaskan agama Hindu dan Budha diketepikan kerana melanggar hukum-hukum Islam. Sehingga kini, adat Melayu masih terjaga kerana kebanyakan orang Melayu beragama Islam. Namun, dengan adanya pengaruh orang barat yang semakin berleluasa, kita dinasihatkan supaya tidak meninggalkan adat kita agar tidak terikut budaya orang barat yang mungkin bercanggah dengan hukum Islam.

**Orang berkebun saya berkebun,
Dalam kebun bertanam bunga;
Orang berpantun saya berpantun,
Dalam pantun adalah makna.**

Pantun ini pula mengajak kita untuk terus menggunakan pantun sebagai cara untuk berkomunikasi sesama kita. Melalui pantun ini, orang dewasa dapat mengingatkan anak muda supaya tidak melupakan adat berpantun orang Melayu. Anak muda juga diingatkan bahawa pantun yang dicipta perlulah ada makna agar terjaga keindahan pantun tersebut. Pantun yang tidak bermakna hanyalah sia-sia sahaja.

Kecantikan pantun Melayu mencerminkan keindahan adat kita. Dengan itu, marilah kita sama-sama menjaga adat Melayu yang mulia dan penuh bermakna.

**Pohon rumbia berbuah sarat,
Pergi memetik tepi perigi;
Hidup manusia biar beradat,
Bahasa tidak berjual beli.**



CERPEN PELAJAR

Di Sebalik Cermin Segi Empat

Oleh: Naqibah Binte Zulkifli

Tubuhku bergegar. Alunan muzik bergema sekaligus menghapuskan keheningan suasana. "6:00am" jelas tertera. Dalam kegelapan, diriku diangkat lalu dipicot. Serentak, gegaran dan alunan muzik terhenti. Kegelapan dimamah cahaya.

"Hadi! Hadi! Bangun!" Terdengar suara seorang wanita.

"Ya ibu. Hadi nak pergi mandi," suara yang tidak asing menjawab.

Aku pasti akan suara itu. Suara itu milik seseorang yang sangat teruja dengan kehadiranku. Sehari yang lalu, diriku dilimpahi pujian. Aku mempunyai bentuk yang menarik, langsing dan hangat di pasaran. Aku adalah bahan kebanggaan. Diriku lengkap dengan pelbagai fungsi, hasil teknologi terkini.

Tiba-tiba, aku terasa sesuatu memasuki diriku. Tanpa diarah, sebuah pesanan ringkas jelas terpapar. Tidak sampai seminit, pintu bilik air terbuka luas lalu Hadi bergegas ke arahku. Kelihatan sebaris gigi tersebar luas apabila pemilikku pantas memicit sebahagian tubuhku. Beberapa titik air dari rambutnya memercik di atasku. Cerminku digosok dengan sehelai kain. Aku diletakkan di atas meja.

Dari rumah hingga ke sekolah, mata pemilikku terpaku kepada apa yang terpancar di cerminku. Aku berasa teramat penting. Aku tidak dikecualikan semasa Hadi berada di dalam kelas. Tangannya tetap menggenggam aku erat. Sekali sekala, matanya melirik kepada cerminku.

"Wah! Pasti mahal harganya. Hadi, kau sangat beruntung!" Diriku diamati oleh berlainan wajah. Semuanya terlopong apabila Hadi menunjukkan keistimewaan yang aku miliki. Bermacam-macam warna dan susunan huruf memenuhi cermin segi empat ini.



Hari demi hari, diriku semakin kerap digunakan. Tiada waktu rehat buat diriku. Malah, tenaga dibekalkan tanpa putus di rumah pemilikku. Walau bagaimanapun, tenaga itu membawa padah. Bukan sahaja kepada diriku, tetapi juga kepada pemilikku. Di sebalik cermin segi empat ini, aku menyaksikan suatu transformasi yang menakutkan.

Aku melihat cahaya seorang pemuda pudar, memadamkan identiti yang sangat digemari. Kulitnya yang bersih tercemar dengan secalit warna kehitaman di bawah kedua-dua matanya. Matanya kuyu. Namun, dia masih terjaga supaya dapat melihat maklumat terkini. Kecewa. Aku sangat menyesali akan penciptaanku. Namun apakan daya. Aku hanya sebiji telefon bimbit.

Sinaran mentari terpantul di cermin empat segi ini serta tembok kamar pemilikku. Tubuhku terasa panas. Bekalan tenaga masih tidak putus. Ada cecair yang sedang mengalir di dalam tubuhku. Bateri! Jika tidak dikeluarkan dalam masa yang singkat, aku mungkin tidak dapat bertahan. Nyawaku tergugat. Di mana perginya pemilikku?

"Ibu memang tidak akan memahami! Ini zaman moden, bukan zaman atuk dan neneh! Hadi lebih sanggup berkahwin dengan telefon bimbit itu daripada mendengar leteran ibu!" Suara yang tidak asing itu semakin dekat.

Dalam samar-samar cahaya, aku dapat melihat pintu kamar itu dihempas kuat. Tubuhku semakin lesu. Tenaga yang dibekalkan membanjiri diriku. Dengan kasar, aku diangkat lalu bekalan tenaga terputus. Sebuah lelaman sosial tersiar. Pemilikku pantas memicit sebahagian tubuhku. Setelah itu, lelaman sosial yang lain tersiar. Kata-kata yang sama tertulis di lelaman itu. Hadi semakin giat melungsuri lelaman-lelaman yang berbeza tema. Tubuhku dipicot kuat setiap kali raut wajah pemilikku seperti harimau beranak muda. Dia mendengus dengan kuat. Tidak sewenang-wenangnya, beraneka warna terpatul di cerminku tanpa kawalan.

"Ah! Apa yang telah jadi? Nama sahaja canggih, tetapi tidak dapat bertahan lama! Memang tidak guna!" Setelah kata-kata kesat itu pantas dikeluarkan, tubuhku dicampak ke lantai.

Cermin segi empat ini retak. Pada masa yang sama, cecair panas mengalir keluar dari tubuhku. Aku sudah tidak berdaya. Di dalam diriku, hancur berderai. Duniaku menjadi gelap.



PINTAR PERIBAHASA

Oleh: Nur Amirah Salimin

Sambil menelaah senarai peribahasa, pernahkah anda bertanya-tanya: "Mengapakah harus aku pelajari kandungan ini?" Peribahasa yang diwarisi oleh masyarakat dahulu kala ialah khazanah bangsa yang menyerlahkan sifat berbudi bahasa orang Melayu. Dalam menegur sesuatu perihal atau mengungkapkan keadaan masyarakat, hendaklah kita berhemah dan tajam akal agar dapat menyampaikan maksud dengan berkesan. Oleh itu, marilah kita mempelajari maksud di sebalik peribahasa kita!

SEKOLAH RENDAH ►►►



MEMBAWA NASIB

Maksud : Mencari penghidupan di tempat lain

Huraian : Nasib di sini merujuk kepada keadaan hidup yang pada hakikatnya, mampu diubah seseorang. Membawa pula menyerlahkan perihal berusaha untuk mencari kehidupan yang diingini.

Contoh ayat : Akibat perperangan yang berlaku di tanah air mereka, mereka terpaksa **membawa nasib** di negara lain yang aman.

PERAH TENAGA

Maksud : Bertungkus-lumus

Huraian : Tenaga merupakan sebuah sumber yang harus digunakan. Peribahasa ini merujuk kepada perihal menggunakan sumber tenaga dengan sepenuhnya agar dapat menjalankan usaha dengan bersungguh-sungguh.

Contoh ayat : Demi pembinaan masjid, para sukarelawan **perah tenaga** untuk mengumpul dana melalui penjualan bermacam-macam barang.



KATA PUTUS

Maksud : Ketentuan terakhir

Huraian : Jika kita mengatakan sesuatu itu telah terputus, ia bermaksud bahawa ia tidak lagi diteruskan. Begitu juga dengan "kata putus", yang juga bermaksud keputusan muktamad.

Contoh ayat : Setelah berbulan-bulan berunding, jawatankuasa peraduan akhirnya mencapai **kata putus**.





SEKOLAH MENENGAH ►►►

TUKANG TIDAK MEMBUANG KAYU

Maksud : Orang yang cerdik, sayang akan sekalian macam orang kerana masing-masing ada gunanya

Huraian : Seorang tukang merupakan seseorang yang amat mahir dalam seninya, justeru dia akur bahawa setiap jenis kayu mempunyai kegunaan sendiri. Sama juga seperti seseorang yang cerdik yang maklum bahawa setiap orang berbeza, namun perbezaan ini tidak dijadikan sebab untuk memandang rendah kepada sesiapa.

Contoh ayat : Dalam kehidupan, haruslah kita menghormati semua orang kerana **tukang tidak membuang kayu**.



BELUM DISURUH SUDAH PERGI, BELUM DIPANGGIL SUDAH DATANG

Maksud : Cerdik dan rajin

Huraian : Peribahasa ini merujuk kepada seseorang yang mengetahui kehendak tugas atau tanggungjawabnya, lalu mengambil inisiatif dalam usahanya untuk memenuhi tanggungjawabnya itu.

Contoh ayat : Alya seorang pelajar yang bersikap **belum disuruh sudah pergi, belum dipanggil sudah datang**, maka tidak hairanlah dia disanjungi ramai.

KUSUT DI HUJUNG, BAWA KE PANGKAL

Maksud : Apabila menemui jalan buntu, haruslah segera balik ke punca masalah

Huraian : "Kusut di hujung" merujuk kepada perkara yang begitu rumit hingga tidak ditemui jalan penyelesaian. Dalam hal begini, hendaklah seseorang itu mencari punca masalah dengan melihat semula masalah tersebut dengan pandangan yang baru.

Contoh ayat : Setiap kali projek kumpulan **kusut di hujung, mereka bawa ke pangkal** tanpa merungut.





PANDUAN PELAJAR

KESEDARAN DAN KEYAKINAN DIRI

Oleh: Siti Syazana Binte Abdul Halim

Tanpa kita sedari, kita sudah menghampiri penghujung tahun. Waktu sebegini sering dijemput dengan keresahan oleh sesetengah pelajar. Sebabnya, para pelajar harus menduduki peperiksaan akhir tahun tidak lama lagi. Keringat mengalir, tangan menggeletar dan diri pula menjadi tidak keruan.



Mungkin ada dalam kalangan pelajar yang gementar kerana mendapat markah yang kurang baik semasa peperiksaan pertengahan tahun. Ada pula yang mungkin berasa tertekan kerana mempunyai jangkaan yang terlampaui tinggi. Para pelajar pasti tidak mahu mengecewakan

ibu bapa, guru dan juga diri sendiri. Perkara ini bukanlah sesuatu yang luar biasa. Namun, stres tidak patut dibiarkan begitu sahaja kerana boleh menjejas kesihatan pelajar. Sebaliknya, stres yang dialami seharusnya bertukar menjadi suatu dorongan kepada pelajar untuk mempertingkatkan diri sendiri. Terdapat beberapa langkah yang para pelajar boleh ambil buat persiapan diri.

Pertama, pelajar harus sedar kemampuan diri. Setiap pelajar mempunyai tahap kemampuan yang berbeza. Justeru, perbandingan antara pelajar tidak harus menjadi tumpuan. Sewajarnya, setiap pelajar membuat renungan atas prestasi yang lalu dan memikirkan cara untuk memperbaiki diri sendiri. Kemudian, pelajar boleh menetapkan matlamat yang ingin dicapai. Matlamat yang ditetapkan haruslah realistik mengikut kemampuan masing-masing. Tujuannya adalah untuk meletakkan sebuah visi yang jelas. Dengan adanya matlamat dan visi yang jelas, pelajar boleh bekerja keras untuk mencapai apa yang dikehendaki.



Setelah menetapkan matlamat, pelajar patut menyemak kertas ujian yang lalu buat setiap pelajaran agar dapat mengenal pasti kesilapan yang telah dilakukan. Berikut itu, pelajar boleh bertanya kepada guru atau merujuk kepada nota untuk memahami jawapan yang tepat. Pelajar haruslah berusaha untuk mendapat pemahaman agar kesilapan yang lalu tidak akan berulang, terutamanya dalam pelajaran yang paling lemah. Selain itu, pelajar patut mengambil inisiatif untuk membuat latihan pada masa lapang. Dengan membuat latihan, pelajar menggerakkan minda sekaligus menguji ingatan. Latihan di bawah

tekanan masa juga berkesan dalam melatih pelajar untuk berfikir secara pantas dan bernas. Lantaran itu, pelajar dapat membiasakan diri dengan keadaan atau suasana semasa peperiksaan.

Pembahagian masa amatlah penting dalam membuat persiapan. Seseorang yang bijak membahagikan masa sering mendapat keuntungan dan kebahagiaan. Lantas, para pelajar seharusnya mencari kesimbangan itu. Disebabkan peperiksaan semakin hampir, pelajar patut menumpukan lebih perhatian kepada pelajaran. Dalam apa jua keadaan, pelajaran tidak harus diabaikan. Sewajarnya, pelajar harus mendedikasikan masa untuk mengulang kaji setiap hari. Ini adalah untuk memastikan bahawa pelajar tidak terkebelakang atau ketinggalan dalam pelajaran. Pada masa yang sama, pelajar harus ingat untuk berehat seketika walaupun sedang sibuk belajar. Ia sangat penting untuk merehatkan minda agar tubuh badan tidak menjadi lesu dan minda tidak bercelaru.



Seterusnya, pemakanan yang baik harus dititikberatkan untuk menjaga kesihatan mental dan fizikal. Antara makanan yang bagus untuk minda dan tubuh badan ialah gandum. Makanlah gandum untuk mendapat bekalan tenaga. Sememangnya, tenaga diperlukan untuk konsentrasi. Khasiat ini **terkandung** dalam makanan seperti roti dan bijirin. Badam juga dikenali sebagai makanan yang berkhasiat kerana mengandungi protein. Menurut kajian, badam dapat memberi tenaga untuk kesihatan tubuh badan serta meningkatkan ingatan, sekaligus menguatkan kuasa minda.

Akhir sekali, para pelajar mestilah mempunyai keyakinan diri. Keyakinan ini datang dengan fikiran yang positif. Pelajar harus yakin bahawa kejayaan boleh diraih. Kekhuatiran mendapat kegagalan tidak harus menguasai minda. Para pelajar tidak harus mudah putus asa dan sepatutnya berusaha dengan bertungkus-lumus. Keperitan yang dialami dalam proses pembelajaran pasti akan dibalas dengan kemanisan kejayaan apabila lulus dalam peperiksaan nanti. Bak kata pepatah, genggam bara api, biar sampai jadi arang. Moga maju jaya!



LEMBARAN BAHASA

Ayat Aktif & Ayat Pasif

Ayat Aktif: Ayat yang mengandungi kata kerja yang mengutamakan subjek asal sebagai unsur yang diterangkan mendapat khabar angin bahawa saudaranya ditimpa musibah.

Subjek	Predikat		Contoh :
	Kata Kerja	Objek	
Emak	memotong	buah epal	

Ayat Pasif: Ayat yang mengandungi kata kerja yang mengutamakan objek asal dan menjadikannya subjek baharu.

Subjek	Predikat		Contoh :
Buah Epal	dipotong	oleh emak	

1. Ayat Pasif Kata Ganti Nama Pertama dan Kedua

KGN Pertama: saya, aku, kami, kita, ku,

KGN Kedua : kau, engkau, awak, kamu, anda

Aktif	Saya belum merasai masakan ibu lagi
Pasif	Masakan ibu belum saya rasai lagi

Aktif	Aku akan menjelaskan semua perkara.
Pasif	Semua perkara akan kujelaskan .

Aktif	Awak mesti melunaskan semua hutang ini.
Pasif	Semua hutang ini mesti awak lunaskan .

Aktif	Kau harus menghargai semua pengorbanan ibu bapa kita.
Pasif	Semua pengorbanan ibu bapa kita harus kauhargai .



LEMBARAN BAHASA

2. Ayat Pasif dengan imbuhan kata kerja pasif di- dan ter-

Aktif	Mereka mengarang buku itu bersama-sama.
Pasif	Buku itu dikarang oleh mereka bersama-sama.

Aktif	Arif sudah mengambil kotak itu semalam.
Pasif	Kotak itu sudah diambil oleh Arif semalam.

Aktif	Rusuhan penonton mencemar perlawanan bola sepak itu.
Pasif	Perlawanan bola sepak itu tercemar oleh rusuhan penonton .

Latihan Bahasa

Arahan: Susun semula ayat aktif yang diberikan supaya menjadi bentuk ayat pasif.

1. Karyawan muda Aril telah berjaya menghasilkan sebuah novel yang bertajuk 'Lautan Rindu'.

2. Sebuah syarikat swasta telah mengiktiraf rekaan robot canggih sekumpulan pelajar Politeknik Singapura.

3. Amri terpaksa membatalkan rancangannya untuk bercuti di Eropah apabila mendapat khabar angin bahawa saudaranya ditimpa musibah.

4. Saya telah memasak lauk asam pedas ikan pari untuk ayah.

5. Kamu tidak pernah melaksanakan tanggungjawab sebagai seorang anak yang baik pernah kamu laksanakan.


1. Sebuah novel yang berjudul 'Lautan Rindu', telah berjaya dihasilkan karyawatan muda, Aril.
2. Rekaan robot canggih sekumpulan pelajar Politeknik Singapura telah diiktiraf sebagai syarikat swasta.
3. Rancangan Amri untuk bercuti di Eropah terpaksa dibatalkan apabila mendapat khabar angin bahawa saudaranya ditimpa musibah.
4. Lauk asam pedas ikian pari telah saya masak untuk ayah.
5. Tanggungjawab sebagai seorang anak yang baik tidak pernah kamu laksanakan.



CERGAS CERDAS

Mekanisme Minda

Oleh: Norazim Bin Azami



Otak manusia – ia merupakan salah satu organ yang paling penting dalam tubuh seorang manusia. Ramai daripada kita sering mengambil sambil lewat tentang betapa signifikan ciptaan Yang Maha Esa ini. Pada masa yang sama otak memiliki pelbagai fungsi yang tidak diketahui oleh masyarakat. Otak memainkan peranan penting bagi memastikan segala proses dalam tubuh manusia berjalan dengan lancar. Otak merupakan tempat saraf pusat bernaung dan semua saraf yang ada di tubuh manusia akan berpusat di otak. Otak memiliki kandungan sebanyak 1.350 cc dan di dalamnya pula terdapat 100 juta sel atau yang kebiasaannya dikenali sebagai neuron. Secara garis besar, otak bertanggungjawab mengatur gerakan manusia, mengatur perilaku dan juga fungsi tubuh manusia. Malah, ia turut mengatur tekanan darah di dalam tubuh seseorang dan masih banyak lagi.

Sebagai pelajar, kita sudah tentunya perlu melibatkan penggunaan otak dalam rutin harian kita, apatah lagi dalam usaha untuk mengulang kaji konsep-konsep dan topik-topik yang dipelajari di sekolah. Oleh itu, ia penting bagi kita untuk memahami otak dengan lebih mendalam agar kita dapat menggunakan organ ini pada tahap yang optimum.

Otak manusia boleh dibahagikan kepada 3 bahagian iaitu:

1. Batang Otak
2. Sistem Limbik
3. Neokorteks

1. BATANG OTAK

Terletak di bawah tengkorak, batang otak lebih dikenali dengan sebutan “brainstem”. Bahagian ini berfungsi untuk mengawal pernafasan, denyutan jantung mahupun reaksi seseorang dalam keadaan bahaya. Batang otak akan bertindak untuk memberi respons kepada perkara yang mampu mengancam keselamatan diri atau luar daripada perkara biasa. Sebagai contoh, bayangkan ketika kamu sedang berjalan dan tiba-tiba seseorang hendak memukul kamu. Sudah tentunya dengan pantas badan kamu akan bertindak dalam bentuk refleks untuk menghindari ancaman itu dan kemudiannya memukul balik sebagai langkah mempertahankan diri. Inilah salah satu contoh untuk menunjukkan peranan penting yang dimainkan oleh batang otak dalam menjaga seorang individu. Orang yang lebih cenderung untuk menggunakan batang otak tanpa keseimbangan malangnya boleh menjadi liar dan kasar dalam tingkah laku. Mereka akan bertindak tanpa mempertimbangkan kesan-kesan aksi mereka dengan kematangan.

2. SISTEM LIMBIK

Sistem limbik pula terletak di bahagian otak tengah dan sering dikenali sebagai “otak mamalia”. Sistem limbik ini diperbuat daripada hipotalamus, hipokampus dan amigdala. Ia memegang banyak peranan mustahak dalam tubuh seseorang seperti mengendalikan emosi individu, mempertahankan keseimbangan hormonal, dorongan seksual, metabolisme, bahagian ingatan jangka panjang dan banyak lagi.

Sistem limbik turut amat mustahak dalam melancarkan informasi ke dalam sistem memori manusia. Sistem memori ini secara tidak langsung akan mengawa kemampuan "emosi" otak kita. Dalam sistem limbik, terdapat komponen hipotalamus, yang boleh dianggap sebagai elemen yang paling penting dalam otak manusia. Hipotalamus ini merupakan inti dari kekuatan emosi dan ia mengawal banyak aspek dalam tubuh seseorang seperti kandungan hormon, hasrat seksual, emosi, keseimbangan kimiawi dan banyak lagi. Ia juga merupakan tempat yang menimbulkan perasaan jujur dan cinta. Oleh sebab itu ada yang menyebut bahagian ini sebagai "alam bawah sedar" yang diwujudkan dalam tingkah laku yang baik.

3. NEOKORTEKS

Neokorteks ini terletak di dalam bahagian otak yang paling luar sekali. Ia merupakan mekanisme yang mengendalikan segala hal yang berkaitan dengan aspek rasional. Bahagian ini turut berfungsi sebagai pusat kecerdasan yang hanya unik kepada golongan manusia dan tidak dimiliki oleh makhluk lain. Neocortex ini memberikan manusia untuk mengawal nafsu dan emosi dengan lebih mudah, sekaligus menjadikan manusia berfikir mahupun bertindak dengan lebih rasional dan hati-hati. Dalam situasi di mana neocortex kita menjadi lebih dominan daripada otak emoksi, ciri ini akan menghasilkan fikiran yang lebih kreatif dan gagasan yang cemerlang. Selain itu, bahagian ini bertanggungjawab untuk menumbuhkan motivasi serta semangat untuk individu itu untuk senantiasa berjuang dalam mencapai matlamat masing-masing.

Daripada keterangan ini, sudah terjelas sekali betapa kompleks dan pentingnya organ ini kepada manusia meskipun ia amat kecil sekali. Oleh itu, ia sudah menjadi kewajipan kita untuk menjaga organ ini dengan baik dalam apa-apa cara yang sihat dan halal.

Lantaran itu, setiap individu perlu sentiasa mengamalkan budaya harian yang mampu menjamin kecerdasan dan kebolehan otak kita untuk berfungsi pada tahap optimum. Cara yang paling mudah dan penting merupakan waktu tidur. Tidur adalah cara semula jadi yang amat berkesan dalam aspek ini. Jika ia dibuat pada jangka masa yang cukup dan berkualiti, cara ini mampu meningkatkan kecerdasan mental, daya ingatan mahupun kebolehan penyelesaian

masalah. Dalam sudut konteks para pelajar, budaya sebegini akan mempengaruhi kebolehan mempelajari dan mengingati sesuatu perkara itu dengan positif. Malangnya, kekurangan waktu tidur boleh menjadai tahap IQ, ingatan mahupun kemampuan bernalar untuk menjadi teruk. Justeru, kita perlu mencari keseimbangan antara kerja dan waktu tidur. Tidak gunanya jika kita bekerja sehari suntuk kerana mahu mencapai prestasi yang baik dalam pelajaran mahupun kerja kita. Walhal, sebenarnya otak kita sudah letih dan kita tidak mampu menghasilkan produk atau kerja yang cemerlang.

Tidur bukan sahaja cara yang boleh kita gunakan untuk menjamin kecergasan badan dan kecerdasan otak. Malah, pelbagai cara unik yang dapat kita pelajari :

1. Menjalinkan hubungan mesra bersama keluarga

Keluarga adalah orang-orang yang paling rapat dengan kita, yang telah melihat kita membesar mahupun mengenali perwatakan kita yang sebenar. Mereka jugalah merupakan golongan yang kita, terutama sekali pihak pelajar akan berjumpa setiap hari di rumah. Lantaran itu, ia amat wajar bagi kita untuk menjalinkan hubungan yang mesra dan penuh dengan kasih sayang antara ahli keluarga. Ini dapat dilakukan dengan cara seperti makan malam bersama-sama keluarga. Meskipun ia kelihatan seperti aktiviti harian yang biasa, budaya sebegini dapat menggalakkan kita untuk berkongsi pendapat dan masalah seperti cabaran yang dihadapi dalam kelas kepada ahli keluarga yang lain. Siapa tahu, mungkin mereka mampu memberi bantuan tangan dan nasihat-nasihat bernas yang boleh membantu kita? Otak manusia juga akan berfungsi dengan lebih baik jika kita dapat mengurangkan tekanan dan kegelisahan di kelopak hati dan mengamalkan pemikiran yang positif.

2. Bebasan diri daripada peranti (gadget)

Janganlah terlalu taksub dalam alam peranti. Dalam era moden ini, kita sudah tentunya tidak dapat lari ia menggunakan peralatan elektronik kerana banyak peralatan IT membantu kita dalam aktiviti harian. Namun, kita perlu mengimbangi masa agar kita tidak hilang dalam dunia gadget sehingga ia mengancam kesihatan otak kita. Penggunaan alat-alat ini buat jangka masa yang



terlalu panjang juga boleh mengancam kesihatan otak kita. Jikalau mahu mencari hiburan, cubalah cara lain seperti meluangkan masa lapang bersama keluarga, ataupun keluar untuk melihat kehijauan di taman-taman yang berdekatan. Ikatlah citarasa sendiri. Langkah seperti ini mampu memberi ketenangan kepada otak dan jiwa.

3. Mengamalkan gaya hidup yang sihat

Dalam memastikan kesihatan tubuh badan dari pelbagai sudut terutamanya otak, Kita bukan sahaja perlu tidur yang cukup tetapi kita juga perlu mengamalkan gaya hidup yang sihat seperti makan makanan yang berkhasiat mengikut piramid makanan. Kita juga perlu rajin bersukan untuk memastikan tubuh badan kekal cergas dan dihindari daripada pelbagai penyakit merbahaya yang banyak menyerang sejak sejak ini. Apabila sedang bersenam, kita turut akan mengurangkan stres dan kadar oksigen yang masuk ke badan

akan meningkatkan, sekaligus mencergaskan otak. Otak yang mempunyai kurang tekanan serta menerima kandungan oksigen yang banyak mampu berfungsi dengan baik, sekaligus membantu manusia untuk bekerja dengan berkesan.

Otak manusia adalah satu anugerah daripada Tuhan. Jangan sesekali mensia-siakan nikmat yang kita ada ini. Sebagai pelajar, gunakanlah "senjata" ini dengan sebaik-baiknya agar kita dapat belajar dengan lebih berkesan dan mencapai keputusan yang cemerlang bagi peperiksaan. Bekerja dan dedikasi amat mustahak. Namun, jangan terlalu mahu mengerjakan kerja sehingga badan binasa. Kita perlu sentiasa pandai mengimbangi masa antara kerja dan rehat. Ingat, pendidikan ialah kunci kepada kejayaan, terutama sekali di Singapura. Biar susah sekarang, tapi senang pada masa hadapan!





Gah!

Gaya Hidup • Artistik • Hiburan

Bulan Bahasa 2016 dilancarkan semalam di Muzium Negara Singapura sebagai usaha tahunan mengekalkan warisan dan menjana minat terhadap keindahan bahasa Melayu.

Sempena bermulanya langkah murni ini, Berita Minggu melaporkan tentang usaha dan perjuangan sekumpulan pencinta bahasa, sebuah keluarga dan seorang individu bukan Melayu memartabatkan bahasa Melayu.

Wartawan **HARYANI ISMAIL** (haryani@sph.com.sg) dan **FARID HAMZAH** (farid@sph.com.sg) melaporkan.

SEWAKTU di bangku sekolah lebih dua dekad lalu, Cik Hayati Abdillah gigi menyertai peraduan bahas dan menghasilkan karya kreatif yang diterbitkan menerusi muang *Coretan Remaja Berita Harian*.

Cintanya terhadap bahasa Melayu yang indah itu berterusan sehingga beliau mendunung kerjaya sebagai guru bahasa Melayu.

Meskipun tidak lagi bertugas sebagai kakitangan Kementerian Pendidikan (MOE), minat yang mendalam itu berkelalan hingga timbulnya idea mengasaskan agensi tuisyen bahasa Melayu dan penyedia khidmat program perkasa dan pertakar bahasa Melayu, Pusat Bahasa NUSA, awal tahun lalu.

Cik Hayati, 39 tahun, mengendalikan pusat dengan lapan cabungan di serata Singapura itu bersama suami, Encik Yang Iskandar Suratty, 41 tahun, mantan guru bahasa Inggeris, matematik dan sains, yang kini pengurusan Pusat Bahasa NUSA.

Mereka turut dibantu tetaga pengajar dan pencinta bahasa, Cik Sufianna Abas, 35 tahun, dan Cik Ernie Abdil Rahman, 40 tahun, serta peguruan pentadbiran, Cik Nur Hanis Rahmat, 24 tahun.

Pusat Bahasa NUSA merupakan anak syarikat Pusat Pembelajaran



PENDAMPING GURU: (Dari kiri) Pengarah Pusat Bahasa NUSA, Encik Yang Iskandar Suratty, dan isteri Cik Hayati Abdillah bekerjasama dengan tenaga pengajar dan pentadbir Cik Sufianna Abas, Cik Nur Hanis Rahmat dan Cik Ernie Abdul Rahman dalam menyemai cinta pelajar terhadap bahasa Melayu. Mereka ditemui di cawangan NUSA di Pasir Ris baru-baru ini. - Foto IMAN ALIF

Edufront, yang menyediakan khidmat tuisyen bahasa Inggeris, matematik dan sains.

Ia pernah memenangi Anugerah SME Prestige 2015 bagi syarikat kecil dan sederhana (SME) yang memiliki rekod cemerlang dan dedikasi memperbaiki jenamanya.

Sebagai langkah mencabar minda pelajar serta menajinkan pena dalam mengarang secara kreatif dan

meneberkan imaginasi dor pada usia muda, Peraduan *Saya Boleh Mengarang* (Peringkat Nasional) turut diadakan buat dua tahun berturut-turut.

Sekali gus peraduan yang menarik minat ramai termasuk pelajar bukan Melayu itu mampu meningkatkan keyakinan diri pelajar dan menggalakkan pasti kebolehan mereka dalam penulisan bahasa Melayu.

Ketika ditemui di Pusat Bahasa NUSA (Cawangan Pasir Ris), baru-baru ini, Cik Hayati, ibu lima anak antara usia tujuh dengan 15 tahun, berkata:

"Kami melihat diri kami sebagai pembantu dan pendamping guru atau pemudah cara dalam mengembangkan minat dan rasa cinta pelajar terhadap bahasa Melayu."

"Bagi saya, perjuangan dalam ba-

hasa Melayu ini memerlukan ketekunan mencari apa yang boleh menarik minat pelajar dalam memperku强 pengalaman mereka tentang bahasa Melayu atau memperkasai diri mereka dengan pengetahuan yang ada."

"Kami tekankan aspek lisian, karangan, ketahaman dan bahasa. Kami akur pelajar kita juga bermasalah dalam aspek penyampaian atau lisian."

"Oleh sebab itu, dalam kelas tuisyen kami, disisipkan tayangan video animas atau item Melayu bagi membiasakan diri dengan penggunaan bahasa Melayu dalam peraturan."

"Program *Saya Boleh Bercerita* juga dikenalkan, selain menerapkan unsur pertandingan dan drama yang membuat pelajar saronok mahu belajar."

Cik Hayati juga mengusahakan si-ri buku panduan guru dan ibu bapa membimbing anak muda dalam pembelajaran bahasa Melayu menerusi kegiatan sumpang seperti hiksan dan la-konan.

Kunjungan ke pesta buku di Kuala Lumpur juga menjadi perkara harus buatnya sekuelan kerana di situ lah mereka mencari buku cerita bermutu dan pernah memenangi anugerah persuratan. Karya sedemikian dibawa pulang buat ibu bapa yang bermuat.

Ia juga satu cara Cik Hayati dan Encik Yang Iskandar mendekah anak mereka kepada dunia persuratan dan kesusastraan seberang tamat sumpang seperti hiksan dan la-konan.

Menurut Encik Yang Iskandar, sekitar 90 peratus pelajar yang mengikuti program tuisyen di Pusat Bahasa NUSA merupakan anak Melayu sendiri yang sama ada lemah dalam mata pelajaran itu atau ingin mengekalkan gred cemerlang.

Ditanya apa yang meningkatkan minat pelajar Melayu sendiri Iennah atau kurang berminat dalam bahasa Melayu, Cik Ernie berkata pengaruh buah-buahan terjesas kerana sebilangan ibu bapa tidak berbalut dalam bahasa Melayu dengan anak.

Cik Sufianna, ibu tiga anak, pula berkata beliau 'memancing' minat anak terhadap bahasa Melayu dengan meredahkan mereka kepada keratan akhir atau majalah.

"Mereka puji rencana, hasilkan halamanan *scrapbook* dan menuis miskinnya sebab mereka suka menderma, merujuk pada rencana tentang menyular derma kebiasaan."

"Kemudian, saya semak dan beri koden dengan melekapkan pelekat 'emoticon'. Gambaran 50 sen diberi," ceritanya.

Saya Boleh Mengarang @ Madrasah Alsagoff





Peraduan Saya Boleh Mengarang 2016



KembavaNUSA

EDUFRONT LEARNING CENTRE
DAN PUSAT BAHASA
NUSA MENAWARKAN:

- Kelas Bimbingan Matematik / Sains / Bahasa Inggeris / Bahasa Melayu
- Bengkel Sekolah: Saya Boleh Mengarang
- Bengkel Sekolah: Saya Boleh Bercerita
- Bengkel Sekolah: Perkasa Bahasa
- Bengkel Pengayaan Cuti Sekolah Dari Peringkat Pra-Sekolah hingga Peringkat "O"

CAWANGAN-CAWANGAN KAMI:

- Pasir Ris
- Woodlands
- Choa Chu Kang
- Seletar
- Jurong West
- Bukit Batok
- Sengkang/Hougang
- Tampines

HUBUNGI KAMI DI:

Talian: 65832616/ 97249422/ 84288946

E-mel: principal@edfront.com

KUNJUNGI LAMAN WEB KAMI:

www.edfront.com

www.nusa.com.sg

